

Usaha cari \$20,000 untuk sertai pertandingan diteruskan

# Persisi tidak dapat penaja ke Vienna

- 3 JUN 1986



• ENCIK JOHARI URUFF  
Peluang giatkan latihan peserta

*Denyair Sinar*  
PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) gagal mendapatkan penaja bagi para pesilat dan dua orang pegawainya untuk menyertai Pertandingan Silat Antarabangsa di Vienna.

Kira-kira 10 hingga 12 penaja yang sering membiayai kegiatan-kegiatan sukan telah dihubungi melalui surat, tetapi tidak satu pun yang setuju.

## Terus berusaha

Bagaimanapun, Persisi akan terus berusaha mencari wang kira-kira \$20,000 kerana pertandingan yang dijadualkan berlangsung dari 27 Julai hingga 2 Ogos itu di Vienna, Austria, telah ditangguhkan dan mungkin dilangsungkan pada tahun depan.

Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari H.M. Uriff, menyatakan berita penangguhan ini

telah diterima menerusi telefon daripada pihak urusetia di Jakarta, Indonesia, baru-baru ini.

Penangguhan itu membolehkan pihaknya untuk terus berusaha mengumpul dana bagi menghantar 10 orang pesilat (dua daripadanya wanita) dan dua orang pegawai bagi menyertai pertandingan itu jika diadakan kelak.

Encik Johari menambah, sebab-sebab penangguhan itu tidak pula diberitahu oleh pihak urusetia.

"Penangguhan itu juga memberi lebih banyak peluang untuk kami memperhebat latihan-latihan yang dijalankan," katanya. Beralih kepada kegalatan dalam negeri, Encik Johari berkata Pesta Silat Kebangsaan yang ke-9 sempena Pesta Sukan Singapura akan diadakan pada Ogos ini.

Peringkat saringan pesta itu akan diadakan dari 5 hingga 20 Julai, diikuti pula dengan separuh akhir pada 2 dan 3 Ogos manakala peringkat akhir pula pada 30 dan 31 Ogos.

## Ambil bahagian

Seramai 220 orang pesilat dari 14 buah perguruan yang berdaftar dengan Persisi dijangka akan mengambil bahagian dan terdapat juga beberapa orang peserta undangan dari Malaysia, Indonesia dan Brunei.

Pertandingan itu akan terbahagi kepada dua bahagian, Olahraga Silat dan Silat Kesenian.

Pertandingan itu dijangka menelan belanja \$7,000 hingga \$8,000 dan akan berlangsung di Dewan Badminton Singapura.